

# Edisi

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

MASJID  
OH  
MASJID!

MS 5



## MASJID JADI REBUTAN?

Tiga tahun sekali. Ya, Jawatankuasa Masjid seluruh negeri Selangor akan dipilih lagi. Mendepani ‘demam’ pemilihan itu, Edisi menemui Ustaz Hashim Muhamad, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Masjid (BPM), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi mendapatkan pandangan beliau.

Samb. • ms/4 >>

KALAM PUJANGGA

Tegakkan cita-cita lebih dahulu sebelum berusaha.

Jika sudah kuat niat dan tekadnya, berusaha pun akan semakin mantap melangkah.

Petikan kata-kata hikmah dari Prof. Dr. Hamka  
Sumber: Buku Renungan Tasawuf



Meremajakan  
Masjid  
MS 6

Pertubuhan Pencinta  
Muslim Sedunia / Muslim  
Care Global (MCG)  
MS 9

“Pelaksanaan Hakam:  
Merungkai Konflik  
Wanita Gantung Tak  
Bertali”  
MS 16

# indahnya KEMPEN MEMBERI

JOM MULAKAN & TAMBAH  
caruman anda bermula:

**01 MEI 2019 -  
31 JULAI 2019**



### Cara penyertaan

- Mula dan tambah caruman zakat anda di <https://espg.zakatselangor.com.my>
- Selepas membuat caruman sila layari laman web Lzs di <https://www.zakatselangor.com.my/promosi>
- Pilih Kempen Indahnya Memberi, jawab soalan mudah yang diberikan serta klik daftar kempen.



**Hadiah PERTAMA**  
**4X KAD MINYAK PETROL BERNILAI RM500**

**Hadiah KEDUA**  
**4X KAD MINYAK PETROL BERNILAI RM300**

**Hadiah SAGUHATI**  
**20X KAD TOUCH 'n' GO BERNILAI RM100**



## JOM AMAL

### ADAB MENZIARAH ORANG SAKIT

Daripada Abu Musa RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, "Ziarahilah orang sakit, beri makanlah orang lapar dan bebaskanlah tawanan".

(Hadith Riwayat al-Bukhari)

Huraian Hadith:

1. Galakan menziarahi orang sakit, memberi makan orang lapar dan membebaskan orang tawanan, termasuk juga orang yang menanggung beban hutang atau ditimpa musibah.
2. Orang yang berbuat baik kepada orang lain akan mendapat balasan kebaikan daripada Allah SWT dan akhirat.
3. Islam menggalakkan budaya kerjasama dan tolong-menolong di kalangan umatnya.

Sumber: Kitab Riyadhus Salihin

**Sabda Rasulullah s.a.w :**  
"Hindarilah dengki kerana dengki itu memakan (menghancurkan) kebaikan sebagaimana api memakan (menghancurkan) kayu bakar."

HR Abu Daud

# Liberalisme

**L**iberalisme adalah satu fahaman yang menuntut kebebasan berfikir tanpa batasan dan menolak prinsip kebenaran Islam serta mengambil jalan mudah dalam beragama. Melalui fahaman liberal juga pemikiran umat Islam diadun dengan acuan kebebasan tanpa batasan, iaitu bebas melakukan apa sahaja tanpa sekatan, kongkongan dan diskriminasi yang dianggap sebagai kebebasan asasi. Sekiranya disekat, dihalang atau didakwa, maka golongan ini dengan pantas mencanang satu dunia bahawa hak kebebasan mereka telah dicabuli.

Beberapa bentuk bahaya fahaman liberal terhadap kesucian akidah umat Islam telah dijelaskan secara khusus antaranya seperti berikut:

1. Fahaman liberal membawa kepada fahaman semua agama adalah sama
2. Fahaman liberal memperjuangkan fahaman sekular
3. Fahaman liberal berpaksikan logik akal semata-mata

Akhirnya seluruh umat Islam diseru supaya melaksanakan perkara-perkara berikut dalam menghadapi situasi berdepan dengan fahaman liberal seperti berikut:

1. Berpegang teguh dengan ajaran Islam sesuai dengan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dalam aspek akidah, syariat dan akhlak
2. Tidak terpedaya dengan pemikiran liberal yang boleh merosakkan iman dan akidah
3. Merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah dan sumber-sumber hukum yang muktabar serta tidak hanya membuat tafsir secara logik akal semata-mata.


**Edisi**

Rujukan: Khutbah Jumaat, 21 September 2018/11 Muharam 1440H (Fahaman Liberal Perosak Akidah)



Gambar Hiasan

## RUANG KOMERSIAL UNTUK DISEWA



**Lokasi**  
**Keluasan**  
**Kemudahan**  
**Lokasi Strategik**

: Kompleks MAIS, Pusat Bandar Klang  
: 92,812 kaki persegi ( 4 Tingkat )  
: 220 Tempat Letak Kereta, Lift , Eskalator  
Bank, Hotel & Dewan Perkahwinan  
: Sekitar Pembangunan Jajaran LRT3

### JUGA TERDAPAT DI LOKASI:

- Wisma MAIS, Seksyen 3 Shah Alam
- The Right Angle, Seksyen 14, Petaling Jaya
- Puncak Bestari, Puncak Alam
- Kompleks Amaniah, Gombak
- Hillpark Avenue, Puncak Alam

**KADAR  
SEWAAN  
BERPATUTAN**

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
Tingkat 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,  
Persiaran Masjid, Seksyen 5,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 55143400 ext 2187 Fax: 03 5518 9002  
Hubungi Pegawai : 019 230 2040(Zare)/019 264 0631(Arzlan)  
[www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my)



# MASJID JADI REBUTAN?

&lt;&lt; Samb. • ms/1

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
 Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS

“Unsur ‘perebutan’ memang wujud. Ia menunjukkan minat anak-anak kariah terhadap institusi masjid kian meningkat. Semakin prihatin. Saya percaya, hal ini seiring dengan iklim politik di Selangor yang berubah. Sekaligus, masjid menjadi platform untuk mengukuhkan pengaruh. Apatah lagi masjid sebenarnya menjadi feeder kepada masyarakat. Masjid mampu berinteraksi secara langsung dengan masyarakat.”

“Namun begitu, faktor ketidakpuasan hati anak-anak kariah kepada Jawatankuasa Masjid juga menjadi sebab persaingan. Misalnya Jawatankuasa Masjid sedia ada gagal mengurus, mengelola aktiviti, gagal menyantuni anak kariah dan gagal mengurus kewangan masjid. Ia mendorong pihak lain untuk menandingi Jawatankuasa Masjid berkenaan.”

Ustaz Hashim menjelaskan, JAIS telah menyenaraikan empat elemen utama yang wajib ada pada semua pihak yang meneraju masjid dan surau di negeri Selangor.

- 01** Jawatankuasa Masjid wajib menjadi wadah penyatuan ummah
- 02** Wajib mesra kepada Jemaah atau anak kariah
- 03** Tidak bersifat selektif atau mesra hanya kepada kumpulan tertentu
- 04** Kemampuan mengurus masjid dengan baik

Ditanya apakah wujud elemen korupsi di kalangan Jawatankuasa Masjid, berikut adalah ulasan beliau. “Terkawal. Setakat ini, JAIS mempunyai mekanisme pencegahan yang baik. Misalnya, diwujudkan Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau Negeri Selangor yang bertindak sebagai entiti tertinggi membuat keputusan kepada elemen salah laku. Antara yang paling diperhatikan ialah, perjalanan pengimaraham tanpa tauliah JAIS, isu kewangan masjid dan juga isu politik kepartian di dalam masjid.”

Ustaz Hashim menjelas, JAIS mempunyai prosedur berikut dalam mengambil tindakan:

1. **Proses islah,** yakni jika wujud ketidakpuasan hati di antara Jawatankuasa Masjid dan anak kariah, maka proses damai akan dilanjutkan.

**Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi** ([syafiq@mais.gov.my](mailto:syafiq@mais.gov.my))  
 Penolong Pengurus, Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

2. **Tindakan tatatertib,** iaitu melibatkan tindakan seperti amaran dan penamatian jawatan kepada pihak yang berkenaan.
3. **Kes sivil,** ia melibatkan kesalahan serius seperti penyalahgunaan wang masjid dan kes ini akan dipanjangkan kepada ejensi terbabit, seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
4. **Pengambilalihan,** iaitu melibatkan kes-kes kritikal sehingga masjid atau surau gagal berfungsi, maka JAIS akan mengambilalih pentadbirannya.

“Setakat ini, JAIS telah mengambilalih 13 pentadbiran masjid. Hasilnya memberangsangkan. Konflik dapat diredukan. Fungsi masjid kembali kepada sediakala. Pengimaraham berjalan baik. Rungutan anak kariah terkendali dengan baik. Paling utama, perpecahan dapat dielakkan.”

“Sebenarnya, semua pihak boleh membuat aduan bertulis dan dihantar kepada Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS di Shah Alam atau melalui e-mail di [info@jais.gov.my](mailto:info@jais.gov.my).

Aduan akan disusuli dengan siasatan. Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) akan diminta turun. Jika masih ada komen, maka pihak Ibu Pejabat JAIS akan turun. Jika perlu, maka Audit MAIS akan turut serta. Setakat ini, JAIS telah berjaya menangani beberapa kes. Alhamdulillah, ia dapat diselesaikan dengan baik.”

Menurut Ustaz Hashim, antara aduan yang sering diterima ialah mengenai penceramah tanpa tauliah JAIS, isu kewangan masjid dan juga isu politik kepartian di dalam masjid.

“Saya boleh sebut, isu-isu ini adalah serius, namun belum ke tahap kritikal. Hasil siasatan JAIS, umumnya 40 peratus Jawatankuasa Masjid dan surau masih memanggil penceramah tanpa tauliah MAIS. Ia adalah kesalahan. Pihak Jawatankuasa Masjid sudah berulang kali diperingatkan. Mustahil mereka tidak sedar.”

Menyambung bicara, Ustaz Hashim yang berpengalaman sangat luas dalam pengurusan masjid menyatakan, JAIS menyediakan ruang dan peluang yang cukup bagi menyediakan Jawatankuasa Masjid untuk menjadi pengurus masjid yang baik.

“Kursus Pemerkasaan Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Selangor diwujudkan agar semua yang dilantik mampu mengelolakan masjid dengan baik. Antara isi kandungan kursus ialah, penekanan aspek perundangan, pengurusan kewangan dan pengurusan pejabat yang baik. Tidak



ketinggalan turut ditekankan ialah, aspek pengimaran dan intergriti.”

“Bukti bahawa MAIS serius, semua yang dilantik akan dikeluarkan watikah khas. Di dalamnya dinyatakan, semua Jawatankuasa Masjid wajib mengikuti kursus yang dianjurkan. Malah, JAIS konsisten mengadakan program lanjutan seperti dialog, forum dan mengedarkan pekeliling rasmi agar jurang komunikasi dapat dihapuskan.”

Dalam memilih Jawatankuasa Masjid atau surau, Ustaz Hashim sempat menitipkan pesanan.

Akhir perbualan, Ustaz Hashim tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang telah menyumbang jutaan ringgit bagi memperkasakan pengurusan masjid. Beliau juga berharap, pada masa hadapan Jawatankuasa Masjid dan Surau di Selangor mampu lebih efisien. Menjadi model kepada semua negeri lain termasuk pihak antarabangsa dalam menauladani pengurusan masjid yang berjaya. **Edisi**

Gambar Hiasan

# MASJID OH MASJID!

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** ([hamizul@zakatselangor.com.my](mailto:hamizul@zakatselangor.com.my))  
Ketua Jabatan Perunding Kutipan Zakat, LZS

**H**ari ini, banyak orang sibuk membahas. Adakah masjid dan surau kita, berperanan sama seperti zaman nabi dan sahabat? Apakah masjid dan surau dekat dengan masyarakat? Kenapa anak-anak kecil tidak diraikan di masjid dan surau?

Ya, ia menarik untuk kita telusuri. Mungkin ini medan kita bermuhasabah. Lalu membaiki apa-apa yang perlu. Meningkatkan apa yang sudah baik. Membuang apa yang sebenarnya merugikan.

Pertama, mari kita lihat masjid di zaman silam. Masjid di zaman nabi dan sahabat utama, adalah medan mempertemukan umat. Orang lelaki khususnya, tidak dibenarkan solat di rumah. Ia berlaku biar pun kepada orang yang buta, seperti Abdullah bin Umi Maktum. Beliau pernah meminta izin untuk solat di rumah. Mulanya, nabi mengizinkan. Namun ditanya kepadanya, adakah kamu bisa mendengar suara azan? Jika ya, maka solatlah di masjid.

Nabi malah marah kepada orang yang rumahnya berjiran dengan masjid, tetapi enggan solat di masjid. Pernah nabi membayangkan, agar dikumpulkan kayu-kayu bakar. Lalu dinyalakan sahaja di rumah orang-orang berkenaan. Mujurlah nabi tidak melakukannya. Jika tidak, mungkin hari ini masjid perlu ada Jawatankuasa Kayu Api. Tugasnya, memberi ingat kepada orang yang enggan solat di masjid. Atau risikonya, rumah mereka boleh dibakar!

Sebab itulah, *jumhur fuqaha* menyeru kaum lelaki solat di masjid. Dengan cara itu, mereka bisa berkenalan. Bisa bertanya khabar. Bisa saling membantu jika perlu. Tahu siapa yang sakit. Tahu anak siapa dapat 6A dalam UPSR. Tahu anak siapa akan bernikah. Tahu ada orang yang ditimpah musibah. Tahu itu dan tahu ini.

**Samb. • ms/7 >>**



# MEREMAJAKAN MASJID

#masjidkitapunya

Oleh: Halim Mokhtar (halim@kuis.edu.my)  
Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin, KUIS

**M**asjid memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan peribadi muslim dan membina masyarakat Islam. Antara agenda besar Rasulullah SAW apabila sampai ke Madinah dalam peristiwa hijrah ialah pembinaan masjid. Keadaan ini terserah dalam konteks kepimpinan Rasulullah SAW apabila Baginda mempelbagaikan fungsi dan peranan masjid yang bukan sahaja sebagai pusat ibadat, walaupun itu adalah yang paling utama, tetapi masjid turut diperkasa sebagai pusat pendidikan yang melahirkan graduan yang hebat daripada kalangan para sahabat yang telah menjadi pemangkin generasi ummah dalam memperjuangkan Islam.

Walau bagaimanapun, sekarang dikatakan fungsi masjid menjadi terhad dengan jemaah yang terbatas. Ini kerana mungkin ia berkaitan dengan tadbir urus yang memerlukan sentuhan perubahan sesuai dengan peredaran zaman. Oleh itu satu usaha reformasi mesti dilancarkan bagi meremajakan masjid sesuai dengan peranan masjid sebagai pusat komuniti ummah. Berikut beberapa cadangan dan saranan yang boleh diambil perhatian dalam meremajakan masjid iaitu:

**1. Pengurusan Organisasi.** Secara tradisinya pelantikan Pegawai dan AJK Masjid selalunya didominasi oleh kelompok dewasa. Walaupun ada jawatan khas mewakili pemuda. Oleh yang demikian **pemerkasaan pelantikan dalam AJK Biro perlu dilakukan iaitu dengan melantik secara rasmi remaja sebagai Jawatankuasa kecil yang akan membantu biro yang ditetapkan** dan Penubuhan kumpulan kecil yang mewakili remaja bagi memudahkan urusan mengumpul tenaga muda serta menggambarkan peranan yang harus mereka terjemahkan dalam masyarakat. Jika berlaku insiden semasa mereka menjalankan aktiviti anggaplah sebagai proses pembelajaran bukan hukuman yang menyebabkan remaja merasa berdosa dan mungkin tidak mahu ke masjid lagi.

**2. Pengurusan Aktiviti dan Program.** Dalam pengurusan aktiviti dan program **adalah sangat penting pihak masjid memberikan ruang kepada remaja merancang program.** Pastinya anak muda lebih maklum apa yang mereka perlukan. Jawatankuasa masjid harus meletakkan kepercayaan sambil memantau aktiviti yang dianjurkan seperti aktiviti sukan dan rekreasi, kelas Ilmu agama, kebudayaan, program usahawan, sembang santai, dan berbagai lagi yang boleh melahirkan keseronokan dalam batasan syarak.

Tiada keuntungan tanpa pelaburan. Modal seringgit tak mungkin untung sejuta ringgit. Bersedia membuat

pelaburan dengan menyediakan dana untuk aktiviti remaja yang lebih mereka "jiwai". Berikan ruang dan peluang agar mereka bersedia belajar untuk memimpin dan dipimpin. *MORE you give the MORE you GET!!*

### 3. Perhubungan Komunikasi yang Berkesan dan Terbuka.

Kelompok dewasa mestilah sentiasalah mengajak dan meraikan serta memuji remaja yang ke masjid dan letakkan harapan melalui komunikasi yang terbuka ketika bersama mereka. Dengarlah dan pertimbangkan suara anak muda dalam menjayakan program masjid. "Orang Muda dikasihi dan Orang Tua dihormati". Jika komunikasi ini berkesan pasti menarik lebih ramai anak muda ke masjid. **Bersama memasyarakatkan remaja dengan menyatakan bahawa mereka sangat bermakna kepada agama, bangsa dan Negara. Think Different!!**

### 4. Pendidikan dan Bimbingan Ibu Bapa.

Adalah sangat signifikan para Ibu bapa mendidik remaja dengan adab serta fungsi masjid sebagai pusat ibadah dan komuniti. Asuhan dari kecil sehingga remaja mestilah jelas tentang mengapa perlu ke masjid. **Ibu bapa menjadi contoh untuk hadir berjemaah di masjid sebagai sumber inspirasi kepada anak-anak. Sematkan cinta dan kasih kepada masjid sebagai tempat yang indah dan menyeronokkan. Just Do It!!!**

### 5. Penubuhan Task Force.

Setiap masjid perlu menubuhan Task Force yang di anggotai oleh AJK, wakil remaja dan jemaah yang mempunyai kepakaran. Penubuhannya untuk merencana dan membangunkan golongan remaja. **Perancangan sangat penting, sekiranya masjid gagal untuk merancang maka masjid merancang untuk gagal.** Oleh demikian setiap individu jemaah dan anak muda perlu diberikan peranan menuju perancangan melahirkan Imam Muda, Bilal Muda, Siak Muda dan AJK Muda. *Impossible is nothing!!!*

Mari kita ubah pemikiran kita yang masjid adalah milik eksklusif kelompok tertentu. Kita sebarkan slogan bahawa "masjid adalah milik semua" dan "pot best" dalam kalangan remaja. Jadikan suasana masjid ceria dan bercahaya dengan aktiviti dan kemudahan yang sentiasa dalam kondisi yang "tip top". Konsep mesra jemaah mesti diutamakan. #Masjidkitapunya

Rebutlah peluang mendidik anak-anak agar mencintai masjid semoga mereka tergolong dalam 7 kelompok manusia yang mendapat naungan Allah di akhirat nanti.

### Edisi



Gambar Hiasan



# MASJID OH MASJID! <> Samb. • ms/5

Jika masjid kita berfungsi seperti di atas, maka sebahagian daripada peranan masjid zaman nabi telah kita lakukan. Selebihnya, tokok dan tambahlah lagi.

Kedua, benarkah masjid jauh dari masyarakat? Jom, kita lihat realiti. Selalunya, orang yang rapat dengan masjid, dia dikenali ramai. Mudah disapa dan mudah menyapa. Murah senyuman. Ringan membantu orang. Seorang yang amanah. Lalu menjadi orang kepercayaan. Disandarkan jawatan. Tempat merujuk masalah. Mendapatkan nasihat, dan sebagainya. Itulah ahli masjid.

Mereka ini selalunya menjadi AJK masjid. Lalu, pelbagai pun program diatur. Ustaz terkenal, penasyid popular, malah artis luar negara pun datang. Masjid dijadikan pusat pelbagai kemudahan. Ada perpustakaan, pusat perniagaan dan pendidikan. Sesetengahnya, kemudahannya menyamai RnR. Ada sudut makanan, ia *free!* Kerusi urut disedia (tapi bayarlah sedikit duit elektrik). Tandasnya pun wangi.

Pendeknya, masjid dimulti-fungsikan, agar masyarakat mahu ke masjid. Biar mereka dekat dengan masjid. Maknanya, masjid sememangnya mahu dekat dengan masyarakat. Jika sebaliknya berlaku, maka masyarakatlah yang sengaja menjauhi masjid.

Ketiga, adakah anak-anak kecil diraikan di masjid? Hal ini agak kontroversi. Budaya Melayu kita, rasanya ‘sedikit kurang mesra’ dengan anak kecil. Benar, masjid tempat ibadah. Perlu suci. Perlu sunyi. Hinggakan sebahagian fuqaha memakruhkan anak-anak kecil yang belum berakal masuk ke dalam masjid. Maklumlah. Mereka boleh mengganggu Jemaah. Berlarian bergomolan. Sujud di sejadah pak imam. Mengambil kaca mata tok bilal. Mengambil *hand phone* tok siak. Cemaslah mereka. Habislah kusyuk di dada.

Maka, kehadiran anak-anak perlu ditangani dengan baik. Biarlah mereka datang ke masjid sejak kecil. Apa lagi jika mereka anak yang sudah berakal. Lebih mudah *dita'dibkan* (diajar adab sopan). Ibu bapa kena berpesan. Jika perlu, berikan amaran. Agar anak lebih teratur di masjid. Duduknya comel. Berdirinya betul. Rukuknya tertib. Sujudnya cantik. Tidak berlarian seperti di taman. Melangkah kepala maknum. Memanjat belakang pak imam. Jika perlu, sediakan taman permainan.

Kesimpulannya, masjid kita semakin baik. Pentadbirannya kian bagus. AJK kian bersemangat. Programnya makin teratur. Makin meriah. Makin indah. Makin menyerlah. Maka, marilah kita sama-sama menjadi sebahagian daripada orang-orang masjid. Menyumbang idea dan tenaga. Juga harta. Biar esok di akhirat, masjid menjadi bahtera kita. Penyelamat di titian sirat. Menyeberang dengan aman, menuju ke syurga. Amin. **Edisi**

Gambar Hiasan





# EMFTAR lwn NMN

## PERMOHONAN DAFTAR NIKAH – TUNTUTAN FARAQ NIKAH – SEKSYEN 12 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) TAHUN 2003

Penulis: Siti Zurinah Binti Zainal Abidin  
Pengurus Kesetiausahaan

### RINGKASAN KES

Pemohon dalam kes permohonan daftar nikah (10005-010-1514-2016) adalah EMFTAR. Pemohon mendakwa telah berlaku pernikahan antara beliau dengan Responden NMN, di Songkhla, Thailand pada 1 September 2014. Pada masa yang sama, Pemohon juga memfailkan tuntutan faraq nikah (10005-042-1515-2016) terhadap NMN (Defendant 1) dan MRD (Defendant 2) yang telah melangsungkan pernikahan di Subang Jaya, Selangor pada 16 Julai 2016.

Mahkamah memutuskan untuk mendengar kedua-dua kes ini bersekali dalam satu prosiding, memandangkan hal-hal berkaitan fakta, dakwaan, penafian, pembuktian dan kesan hasil keputusan kes faraq nikah berkait secara langsung dengan keputusan kes daftar nikah. Justeru, akan didapati didalam alasan penghakiman ini dan proses perbicaraan yang telah dijalankan, adalah lebih berfokus kepada isu pengesahan nikah Pemohon dengan Responden yang didakwa berlaku di Songkhla tersebut.

### UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 – s. 61 (3)(b)(i), s.62 (2)(b)
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 – s.1
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 2003 – s. 3, s.57, s.61,s.74, s.75, s.82

### KES YANG DIRUJUK

Faizal Bin Abdul Rahman Dan Norina Binti Zainol Abidin, Jh 39 Bhg 1, (2014).122.

### ULASAN KES EMFTAR lwn NMN (Permohonan Daftar Nikah Dan Tuntutan Faraq Nikah)

Perkahwinan itu boleh dipohon untuk dibubarkan dan pasangan suami isteri itu difaraqkan (dipisahkan) jika sesuatu perkahwinan itu ternyata fasid atau batal dari akad nikahnya. Contoh perkahwinan yang fasid atau batal adalah seperti tersilap wali, tidak menepati rukun nikah dan sebagainya.

Jika telah tersedar akan perkahwinannya itu adalah fasid dan batal, maka permohonan ke Mahkamah Syariah untuk difaraqkan boleh dipohon kerana termaktub di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah melalui peruntukan seksyen 61 (3) (b) (i) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Permohonan boleh dibuat oleh pasangan tersebut sama ada suami atau isteri, ibu bapa atau penjaga atau juga pejabat agama yang menyedari bahawa perkahwinan itu mempunyai kesilapan dan kekhilafan.

### KEPUTUSAN

Setelah mahkamah menimbangkan segala fakta yang didakwa pihak-pihak dan pembuktian yang dizahirkan di mahkamah ini sepanjang prosiding, setelah mahkamah berpuashati, maka diputuskan seperti berikut:

- Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon berdasarkan Seksyen 12(2) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Mahkamah mensabitkan bahawa pernikahan Pemohon dan Responden yang diakadnikahkan pada 1 SEPTEMBER 2014 di Majlis Agama Islam Wilayah Songkhla, Thailand adalah sah menurut Hukum Syarak.
- Mahkamah memerintahkan Pemohon mendaftarkan pernikahan tersebut di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat dengan sewajarnya.
- Berdasarkan sabitan di atas, bagi kes 10005-042-1515-2016, Mahkamah mensabitkan bahawa pernikahan yang didakwa berlaku antara Responden, NMN dengan MRD pada 16 Julai 2016 di Masjid Al-Mukminun USJ 2, Subang Jaya, Selangor, adalah suatu pernikahan yang tidak sah dan batil.
- Mahkamah memerintahkan NMN dan MRD difaraqkan serta-merta mulai hari ini 16 Mac 2017. **Edisi**



## Pertubuhan Pencinta Muslim Sedunia / Muslim Care Global (MCG)

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Sumber: <https://www.muslimcareglobal.com>

**P**ertubuhan Pencinta Muslim Sedunia atau *Muslim Care Global* (MCG) telah berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 14 Mac 2018. MCG ditubuhkan sebagai sebuah NGO Islam yang komited memenuhi tuntutan Islam sehingga ke peringkat antarabangsa dalam mencapai ke arah pembangunan ummah Islam.

Objektif penubuhan MCG adalah pembangunan modal insan, pembangunan intelektual dan profesionalisme serta pembangunan infrastruktur dan prasarana. Antara visi yang menjadi memandu matlamat MCG adalah untuk menjadi sebuah badan NGO Islam yang komited untuk memenuhi permintaan Islam secara global serta membantu dari segi pembangunan ummah dari pelbagai aspek dan bidang.

Isu yang ditangani oleh NGO Islam ini adalah merangkumi isu-isu akidah dan sosial umat Islam seperti isu akidah umat Islam, isu gejala tidak sihat anak muda dan isu golongan *Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender* (LGBT). MCG juga melaksanakan beberapa program tahunan seperti Jom Ke Sekolah, Smart Muslim Camp dan Hari Menyantuni OKU.

Sebarang pemakluman lanjut, bolehlah menghubungi nombor di talian 013-254 1326 / 012-693 5938 atau email ke [muslimcareglobal@gmail.com](mailto:muslimcareglobal@gmail.com). **Edisi**



Program Kelas Bersama Rakan Jalanan



The Plight Of Palestine & Syria



Sinar Ramadhan Rohingya



Jom Jelajah

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## Program Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan Bulan Membaca Dan Bulan Sejarah MAIS 2018

**SHAH ALAM 25 Januari** - Satu Majlis Penyampaian Hadiah Bulan Membaca dan Bulan Sejarah MAIS bagi tahun 2018 telah diadakan di Perpustakaan Wakaf MAIS, Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam. Pada tahun 2018, sebanyak 2 program telah dianjurkan oleh Pusat Pengetahuan iaitu Program Bulan Membaca dan Bulan Sejarah MAIS.

Program Bulan Membaca MAIS ini telah diadakan pada 1 Ogos 2018 sehingga 31 Oktober 2018. Sebanyak 2 kategori pertandingan yang dijalankan iaitu kategori dewasa dan kategori kanak-kanak serta terbuka kepada semua ahli perpustakaan. Penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam, Pengurus Pusat Pengetahuan MAIS. [Edisi](#)



## MAIS Dekati Asnaf Riqab

**JOHOR BHARU 18 Februari** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan kerjasama Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i) yang berdaftar di bawah MAIS telah mengadakan Program Kembara Mahabbah Komuniti Disayangi Siri 1/2019 bermula pada 16 hingga 18 Februari 2019 yang lalu.

Program yang diadakan di Hotel Seri Malaysia ini bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman nilai-nilai Islam kepada kumpulan Lesbian Gay Bisexual Transgender (LGBT) di samping membina hubungan erat



## Lawatan Majlis Ugama Islam Sabah Ke Majlis Agama Islam Selangor

**SHAH ALAM 15 Feb 2019** – Lawatan kerja daripada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) ke Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diadakan pada 15 Februari 2019 di Bilik Mesyuarat Haji Ali, Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam.

Lawatan ini dipengerusikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Pengurus MAIS. Ketua delegasi daripada MUIS ialah YBhg. Datuk Seri Panglima Dr. Haji Hasbullah Bin Haji Mohd Taha, Yang Dipertua MUIS. Jumlah delegasi daripada MUIS adalah seramai 22 orang termasuk Ahli-ahli MUIS, Setiausaha MUIS dan Pegawai-pegawai Kanan MUIS.

Tujuan lawatan kerja diadakan adalah untuk bertukar pandangan terhadap pengurusan baitulmal, pengurusan zakat, pengurusan wakaf dan pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor. [Edisi](#)

antara asnaf riqab dengan pegawai-pegawai MAIS. Selain itu, program ini juga memberi ruang untuk berdakwah dan berkomunikasi dengan lebih berkesan terhadap asnaf Al-Riqab khususnya melalui dakwah Bil Hal dan Bil Hikmah. [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## DYMM Sultan Selangor Sampai Watikah Pelantikan Nazir Dan Imam Masjid-Masjid Negeri Selangor

**KLANG 3 Mac** – Majlis Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Nazir dan Imam Masjid-Masjid Negeri Selangor telah diadakan di Balairung Seri Istana Alam Shah.

Seramai 382 orang Nazir Masjid dan 833 orang Imam Masjid-Masjid Negeri Selangor bagi sesi 2019 hingga 2021 telah menerima watikah pelantikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj. Turut berangkat hadir Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah. Penerima watikah ini terdiri daripada Imam Masjid Negeri, Masjid Daerah, Masjid Diraja, Masjid Naik Taraf, Masjid Istana dan Masjid Kariah di seluruh negeri Selangor.

Turut hadir, YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Pengurus MAIS dan Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Dato' Setia Haji Mohd Tamyes bin Abdul Wahid. **Edisi**

## Taklimat Pusat Pendaftaran Pengislaman MAIS

Taklimat Pusat-Pusat Pendaftaran Pengislaman Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dan Sumbangan Badan/Persatuan Saudara Baru.

Taklimat Pusat-Pusat Pendaftaran Pengislaman Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dan Sumbangan Badan/



## Majlis Penyerahan Geran Dan Sumbangan Van Rumah Pemulihan Riqab MAIS 2019

**KLANG** - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyerahkan sumbangan bantuan Geran Sukuan 2019 kepada 18 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPA) berjumlah RM1,916,00.00, Geran Tahunan kepada sembilan (9) buah RPA berjumlah RM1,560,000.00 dan sumbangan van kepada tujuh (7) buah RPA berjumlah RM872,412.00.

Bantuan ini merupakan sumbangan dana bagi tahun 2019 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM4,348,412.00. Sumbangan ini telah disampaikan oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz Bin Mohd Yusof, Pengurus Jawatankuasa Riqab Negeri Selangor.

Antara RPA yang menerima sumbangan bagi Geran Sukuan 2019 adalah Hidayah Insani, Rumah Sahabat, Bela Insan dan Sahabat PERKID. Manakala bagi sumbangan bagi Geran Tahunan 2019 adalah Rumah Penawar Sungai Panjang, Rumah Solehah dan Pertubuhan Insan Disayangi. Antara penerima yang menerima sumbangan van pula ialah Bayt Rahmah, Rumah Safiyyah dan Akhlak Insani. **Edisi**

Persatuan Saudara Baru anjuran MAIS dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah diadakan pada 16 Januari 2019 di Bilik Seminar Hassan Al Basri, Kompleks MAIS Klang yang dihadiri oleh wakil-wakil pusat pengislaman yang berdaftar di seluruh Negeri Selangor.

Tujuan taklimat diadakan adalah untuk menyampaikan maklumat terkini berhubung pendaftaran pengislaman di MAIS. Penceramah dalam taklimat ini adalah Ustaz Suhaimi Bin Ismail, Pengurus Pendaftaran Muallaf MAIS dan Ustaz Haji Anwarulhaq Bin Sulaiman, Pengurus Profilan Muallaf LZS. **Edisi**

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



## Majlis Perutusan Pengerusi MAIS 2019

Majlis Perutusan Pengerusi MAIS Bagi Tahun 2019 telah diadakan di Dewan Muktamar, JAKESS.

Ucapan dan amanat serta rancangan bagi tahun 2019 telah disampaikan oleh **YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Pengerusi MAIS**.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Yang Dimuliakan Anggota-Anggota MAIS, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Sahibus Saadah Pengarah JAIS dan Ketua-Ketua Jabatan serta Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat MAIS.

Jemputan juga terdiri daripada Pengurusan Tertinggi Majlis



Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Pendakwaan Syarie Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Yayasan Islam Darul Ehsan, Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan Bakti Suci Holdings Sdn Bhd. [Edisi](#)



## Program 3W Di Dataran Pantai Morib.

**MORIB, 20 APRIL 2019** - JAKESS pada hari ini telah menyertai program 3W (Wellness, Welfare & Women) di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bertempat di Dataran Pantai Morib, Banting, Selangor. Wakil JAKESS juga turut menyertai acara 10 ribu langkah. [Edisi](#)

Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



## Seminar Isu dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah

**SHAH ALAM, 21 APRIL 2019** – YA Puan Noor Huda bt Roslan, Ketua Pendaftar JAKESS telah menyampaikan ceramah sempena Seminar Isu dan Penguatkuasaan Perintah Nafkah yang diadakan di Dewan Orkid, Wisma PKPS. YAA Dato' Dr Hj Mohd Na'im bin Hj Mokhtar, Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie JKSM juga turut hadir pada seminar tersebut. [Edisi](#)



## Program 3W Di Majlis Perbandaran Klang

**SHAH ALAM, 30 MAC 2019** - Pihak JAKESS telah menyertai program 3 W (Wellness, Welfare & Women) di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bertempat di Majlis Perbandaran Klang, Selangor. [Edisi](#)

Sumber : Lembaga Zakat Selangor



## LZS Terima Zakat Perniagaan Kumpulan PNB RM5 Juta

**SHAH ALAM, 14 Februari 2019** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini menerima pembayaran zakat perniagaan daripada Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berjumlah RM5,069,375.00.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima pembayaran zakat perniagaan tersebut bagi tahun kewangan 2017 daripada Pengurus PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz dalam satu upacara yang diadakan di Istana Bukit Kayangan di sini. [Edisi](#)



## LZS Salur Bantuan Mangsa Ribut

**KUALA SELANGOR, 19 Februari 2019** – Lembaga Zakat Selangor (LZS) hari ini menyalurkan sumbangan zakat kepada 183 mangsa ribut di sembilan buah kampung mukim Tanjung Karang dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Seri Tiram Jaya di sini. Setiap mangsa menerima sumbangan zakat sebanyak RM300, di samping sumbangan berjumlah RM500 dari Kerajaan Negeri.

Selain itu, mangsa ribut yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin berdaftar dengan LZS turut menerima bantuan bagi baik pulih rumah serta pembinaan rumah bergantung kepada kerosakan yang dialami. [Edisi](#)



## Ziarah Asnaf: Dekati Keluhan Dan Masalah Asnaf Fakir, Miskin & Mualaf

**SUBANG, 11 Mac 2019** – Aktiviti rutin yang bersifat turun padang ini bertujuan menyelami kelangsungan hidup asnaf, di samping melihat keperluan lain yang layak disantuni oleh LZS. Pada masa sama, LZS turut mengemas kini maklumat keluarga dan tanggungan hasil daripada ziarah tersebut. Aktiviti ziarah asnaf fakir, miskin dan mualaf ini adalah lebih kepada beramah mesra dan mendekati golongan ini. “Kita berkesempatan meluangkan masa menziarahi lima buah keluarga pada hari ini.

Selain itu, program ini turut menyumbang wang tunai dan barang keperluan asas bagi meringankan bebanan yang ditanggung mereka. Justeru, LZS menyeru kepada masyarakat untuk menyalurkan maklumat mereka yang memerlukan bantuan zakat. [Edisi](#)

Sumber : Lembaga Zakat Selangor



## Memenuhi Keperluan Fakir Miskin Dan Mualaf

**SEPANG, 11 Mac 2019** – Peka dengan keperluan asnaf fakir, miskin dan mualaf, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan skim bantuan makanan bulanan bagi memenuhi golongan yang memerlukan ini. Dalam usaha memenuhi kecukupan golongan ini, LZS dengan kerjasama Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS) sentiasa bekerjasama bagi memastikan setiap bantuan makanan bulanan yang disalurkan memenuhi kualiti dan terus bermanfaat untuk penerima.

Menurut Eksekutif Agihan Makanan, TERAS Hazana binti Hayati@emam mukayat berkata operasi pengagihan makanan bulanan akan dilakukan setiap hari bermula jam 8.30 hingga 5.00 petang meliputi sembilan daerah di seluruh Selangor.



## MAHABBAH CYCLING: LZS Sumbang RM80 Ribu Biaya Mesin Hemodialisis

**KLANG, 16 Mac 2019** – Program bersempena dengan Hari Buah Pinggang Sedunia ini anjuran YIDE bersama LZS mendapat sambutan dengan kehadiran hampir 500 orang peserta berbasikal. Dalam program tersebut, LZS turut menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM80,000 bagi membayai pembelian mesin hemodialisis baharu di Pusat Dialisis Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Turut memberi sumbangan termasuklah Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM282,000, Central Sugar Refinery (CSR) RM200,000, Lembaga Tabung Haji RM100,000, Central Spectrum (M) Sdn Bhd RM40,000.00, dan juga Celcom Axiata Berhad RM40,000.

Dalam program tersebut, DYM Raja Muda Selangor bersama peserta terdiri daripada anggota kelab berbasikal dan orang awam berkayuh sejauh 12 kilometer, kira-kira jam 9 pagi bermula dari Masjid Al-Islah, Kampung Sementa. **Edisi**

“Setiap hari sebanyak 12 buah lori akan bergerak bagi mengagihkan makanan dengan dibantu seramai 24 orang kakitangan. Manakala bagi setiap penghantaran pula dianggarkan sebanyak 50 hingga 70 buah rumah bergantung kepada jadual penghantaran.”

Penjadualan penghantaran adalah berbeza setiap hari bergantung kepada pengesahan penerima bantuan itu sendiri. Bantuan hanya akan diagihkan kepada nama penerima bantuan sahaja. Jika penerima tiada di rumah, satu notis pemakluman akan diberikan dan dalam tempoh tiga hari sekiranya tiada maklum balas daripada penerima, TERAS akan menghubungi semula bagi menstrukur semula jadual penghantaran kepada mereka.

Hazana berkata bagi daerah Sepang pula, hampir 400 orang penerima bantuan makanan bulanan. Bagi setiap penerima, LZS akan memberikan maklumat lengkap beserta alamat bagi memudahkan urusan penghantaran kepada mereka.

Jelas Hazana, “Setiap keluarga akan menerima makanan keperluan asas seperti beras, tepung, minyak dan gula. Manakala jumlah nilai bantuan pula berbeza bagi setiap penerima bergantung kepada bilangan tanggungan dalam keluarga mereka.”

Bagi penerima bantuan makanan bulanan, Mohd Husaini bin Ahmad, 33 berkata kehadiran TERAS yang mengagihkan bantuan makanan ini sangat membantu kepada mereka sekeluarga.

Beliau yang baru dua bulan menerima bantuan tersebut menzahirkan rasa syukur. Tambahan pula beliau telah mengalami kecelakaan jalan raya dan menyebabkan patah pada kedua-dua belah paha dan tidak mampu untuk bekerja buat masa terdekat ini.

“Saya tidak mampu untuk berjalan dalam tempoh satu atau dua tahun lagi. Dulu saya bekerja sebagai pengawal keselamatan. Adalah pendapatan. Sekarang saya sudah tidak mampu bekerja dan tiada sumber pendapatan lain. Jadi bantuan yang saya terima sangat membantu,” katanya.

Melalui skim bantuan makanan ini, LZS yakin mampu memberi manfaat kepada mereka yang menerima seterusnya meringankan beban yang ditanggung oleh mereka. **Edisi**



# SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEENAM BELAS)

اوليه : نورانیتا بنت عبد الرحمن  
منشی دیوان (جاوی)

## KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU.

### VOKAL BERGANDING (iu/io)

Kita masih lagi membicarakan vokal berganding atau rangkap vokal. Tetapi tajuk kita kali ini ialah vokal berganding “iu/io”. Vokal berganding “iu/io” ialah dua huruf yang berturutan vokal “iu/io” dalam satu perkataan dan disebut dengan dua suku kata. Kaedah mengeja vokal berganding “iu/io” dalam tulisan jawi ialah dieja mengikut padanan huruf rumi-jawi.

Contoh vokal berganding “iu/io” ialah:

RUMI	JAWI	RUMI	JAWI
bius	بیوس	piut	قیوت
biola	بیولا	piutang	قیوٽع
biodata	بیوداتا	piuter	قیوٽر
cium	چیوم	riuk	ریوق
fius	فیوس	riuh	ریوه
giur	کیور	siung	سیوٽغ
kiub	کیوب	siul	سیول
kiut	کیوت	siur	سیور
kios	کیوس	siuman	سیومن
liur	لیور	tiup	تیوٽ
liut	لیوت	tiung	تیوٽغ
liuk	لیوق	tiub	تیوب

## KESIMPULAN KHUTBAH FITNAH MEMBAWA PUNAH

Susunan Oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS  
Sumber: Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS

حاضيرين سيدع جمعة يع درحمتي الله، مغاخيري خطبة  
يع دسمقايان قد هاري يع موليا اين خطيب ايغين  
برفسن كقد حاضيرين جمعة يع برباكيا اكـر:

1. كيت سباـكـاي اوـمـتـ إـسـلامـ هـنـدـقـلـهـ سـنـتـيـاـسـ مـيـقـيـنيـ بـهـاـواـ سـتـيـاـفـ فـرـكـاتـاءـ دـانـ فـرـيـوـاتـنـ كـيـتـ اـكـنـ دـفـرـتـغـوـغـجـوـابـكـنـ دـهـادـفـنـ اللـهـ سـبـحـانـهـ وـتـعـالـىـ قـدـ هـارـيـ اـخـيـرـةـ كـلـقـ.
2. اوـمـتـ إـسـلامـ دـلـاغـ مـبـيـرـكـنـ فـتـنـهـ كـرـانـ فـتـنـهـ بـولـيـهـ مـنـيمـبـولـكـنـ قـرـقـچـهـنـ دـانـ قـرـبـالـهـنـ.
3. اوـمـتـ إـسـلامـ هـنـدـقـلـهـ بـرـقـكـعـ تـكـوـهـ كـقـدـ اـجـرـنـ إـسـلامـ دـانـ جـاـغـنـ سـسـكـالـيـ مـلـاـكـوـكـنـ قـرـكـارـاـ ۲ـ يـعـ دـلـاغـ اـولـيـهـ شـرـعـ تـرـمـاسـوـقـلـهـ قـرـكـارـاـ ۲ـ يـعـ بـولـيـهـ مـنـدـاـتـقـكـنـ فـتـنـهـ.
4. اوـمـتـ إـسـلامـ هـنـدـقـلـهـ سـنـتـيـاـسـ بـرـوـسـقـادـاـ دـغـنـ تـرـلـبـيـهـ دـهـولـوـ مـپـلـيـدـيـقـ سـتـيـاـفـ سـيـبـرـنـ بـرـیـتـاـ يـعـ دـتـرـیـمـاـ اـونـتـوـقـ مـغـیـلـقـکـنـ تـرـسـیـبـارـثـ کـجـالـاـ فـتـنـهـ يـعـ مـمـبـاـوـاـ قـوـنـهـ.

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah, Mengakhiri khutbah yang disampaikan pada hari yang mulia ini khatib ingin berpesan kepada hadirin Jumaat yang berbahagia agar:

1. Kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa meyakini bahawa setiap perkataan dan perbuatan kita akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT pada hari akhirat kelak.
2. Umat Islam dilarang menyebarkan fitnah kerana fitnah boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan.
3. Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam dan jangan sesekali melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syarak termasuklah perkara-perkara yang boleh mendatangkan fitnah.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dengan terlebih dahulu menyelidik setiap sebaran berita yang diterima untuk mengelakkan tersebarnya gejala fitnah yang membawa punah.

# “Pelaksanaan Hakam: Merungkai Konflik Wanita Gantung Tak Bertali”

Oleh: Puan Noor Huda binti Roslan ([noorhuda@esyariah.gov.my](mailto:noorhuda@esyariah.gov.my))  
Ketua Pendaftar, Jakess

## Apakah yang dimaksudkan dengan Hakam?

**P**erkataan Hakam telah disebut secara umum dalam Al-Quran, Surah an-Nisa', melalui ayat 58 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya, Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.”

Berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Hakam (Negeri Selangor) 2014, Hakam bermaksud seseorang penimbang tara yang diberi kuasa oleh suami atau isteri atau oleh Mahkamah untuk menyelesaikan perkelahian (shiqaq) antara suami dan isteri dalam perkahwinan.

Pelantikan Hakam ini biasanya berlaku dalam kes seorang isteri yang menuntut cerai dengan talaq terhadap suaminya di Mahkamah Syariah, tetapi suami enggan untuk menceraikan isterinya itu. Pelantikan Hakam ini juga boleh berlaku apabila seorang suami yang ingin menceraikan isterinya di Mahkamah Syariah, tetapi isteri tidak bersetuju untuk diceraikan. Tuntutan penceraian ini pada kebiasaan disebabkan oleh banyak perkara termasuklah tiada lagi “mawaddah” dan “rahmah” dalam rumah tangga pasangan tersebut.

Dalam keadaan sebegini, apabila Mahkamah berpuas hati bahawa perbalahan (shiqaq) benar-benar wujud dan sentiasa berlaku, **Mahkamah boleh melantik dua orang Hakam atau penimbangtara yang akan bertindak bagi pihak suami dan isteri yang berkenaan bagi menyelesaikan perbalahan (shiqaq) tersebut dalam suatu prosiding yang dinamakan sebagai Majlis Tahkim.**

Majlis Tahkim adalah suatu proses yang melibatkan pihak-pihak yang bertikaian yang melantik seseorang untuk menjadi Hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul di antara mereka. Majlis Tahkim ini hampir menyamai dengan proses “al-qadha” atau “kehakiman”, namun, dari segi kedudukannya, ia adalah lebih rendah dari “al-qadha” atau “kehakiman”.

## Bagaimanakah Hakam merungkai konflik wanita yang digantung tak bertali?

Jika salah satu pihak daripada pasangan perkahwinan tidak bersetuju dengan tuntutan cerai yang difaikan, mahkamah perlu menyiasat sama ada telah wujud shiqaq yang berpanjangan dalam perkahwinan tersebut. Antara bentuk perbalahan yang boleh disabitkan sebagai shiqaq termasuklah keadaan suami isteri yang sering bergaduh sehingga menimbulkan kesukaran untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing dan saling tuduh menuduh tidak melaksanakan hak sebagai suami isteri, saling tuduh-menuduh bahawa suami isteri itu mempunyai hubungan sulit dengan perempuan atau lelaki yang bukan mahram atau perkelahian yang kerap hingga menyebabkan pukul-memukul antara mereka.

Jika mahkamah berpuas hati bahawa shiqaq telah berlaku, mahkamah akan mengarahkan suami isteri melantik Hakam masing-masing dari kalangan saudara karib mereka yang mempunyai pengetahuan asas dalam hal kekeluargaan dan Hukum Syarak serta tahu hal keadaan suami isteri itu. Selepas pelantikan tersebut, Hakam akan mengendalikan sesi pertemuan dengan suami isteri tersebut bagi menamatkan shiqaq antara suami dan isteri dengan cara mendamaikan mereka atau memisahkan kedua-duanya sama ada dengan talaq atau dengan khul'. Dalam Majlis Tahkim tersebut, Hakam suami akan cuba mendapatkan kuasa penuh daripada suami untuk menceraikan isteri dengan talaq jika perdamaian gagal dicapai dan Hakam isteri pula akan cuba mendapatkan kuasa penuh daripada isteri untuk menerima lafadz khul' daripada Hakam suami jika suami bersetuju cerai dengan cara khul'.

Selepas selesai Majlis Tahkim tersebut, kedua-dua Hakam akan melaporkan kepada mahkamah keputusan daripada Majlis Tahkim tersebut. Jika suami isteri tersebut berjaya didamaikan, mahkamah akan memerintahkan suami isteri tersebut untuk berdamai dan kembali hidup sebagai suami isteri. Jika Hakam gagal mendamaikan suami isteri tersebut dan gagal mendapatkan kuasa penuh daripada suami untuk menceraikan isteri dengan talaq, mahkamah akan memecat Hakam yang dilantik dan melantik Hakam baru bagi suami dan isteri dari kalangan Anggota Panel Hakam Selangor yang terlatih dan mempunyai kemahiran dalam Hukum Syarak dan undang-undang. Di peringkat ini, Hakam akan berusaha untuk mendamaikan suami dan isteri tersebut. Namun, sekiranya Hakam gagal untuk mendamaikan suami isteri tersebut, Hakam telah diberi kuasa oleh Hakim untuk mentalaqkan isteri jika punca shiqaq adalah disebabkan oleh pihak suami atau melafazkan talaq khul' kepada isteri jika shiqaq disebabkan oleh isteri. Dengan cara itu terbubarlah perkahwinan secara sah menurut undang-undang dan Hukum Syarak.

### Edisi

*Nota: Maklumat ini hanyalah maklumat umum untuk panduan dan pemahaman masyarakat dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di Mahkamah Syariah.*


## SINOPSIS BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN TERPILIH PERPUSTAKAAN WAKAF MAIS

### 33 PESAN NABI: JAGA MATA, JAGA TELINGA, JAGA MULUT

CALL NO.:  
297.57022 VBI

Buku ini merupakan komik berisi kisah sehari-hari yang berkaitan dengan hadis-hadis riwayat Bukhari-Muslim. Buku ini merupakan salah satu cara baru belajar Islam yang menyeronokkan. **Butir-butir hadis yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim**


diterjemahkan dalam bentuk dan bahasa komik dalam bahasa yang mudah dan berkisar dengan kisah kehidupan masyarakat sekarang termasuk yang meliputi perkara berkaitan sosial, politik dan juga budaya. Konsep baru ini dijangka sangat berkesan dan menyenangkan. Penjelasan hadis Bukhari-Muslim yang ringan dan sangat seronok untuk dibaca, serta dekat dengan kehidupan sehari-hari. Buku ini juga sangat sesuai untuk dibaca oleh semua peringkat umur.



### 40 HADITH KEMULIAAN AKHLAK NABI DAN SYAFA'AT NABI

CALL NO.: 297.124 NAB


Buku ini menceritakan berkaitan 40 hadith yang berkaitan kemuliaan akhlak nabi dan syafa'at nabi yang dikarang oleh Syeikh Yusof Ibn Ismail Al Nabhani. Rasulullah S.A.W adalah susuk tubuh yang mempunyai keperibadian yang luar biasa. Allah S.W.T juga menyebutkan Rasulullah S.A.W sebagai manusia yang berbudi pekerti luhur. **Di antara akhlak luhur baginda adalah rendah diri (tawaduk), sabar, berkata baik dan menghormati jiran tetangga, ceria dan riang gembira, berani, jujur, lemah lembut, amanah, malu, zuhud, pemaaf, kasih sayang, menepati janji, cinta perdamaian dan banyak lagi.** Akhlak-akhlak mulia Nabi Muhammad S.A.W telah menjadi teladan mulia bagi pengikut baginda. Oleh kerana itu, merupakan kewajipan bagi setiap umat Islam untuk meneladani akhlak-akhlak mulia Nabi Muhammad SAW sama ada untuk bekal kehidupan dunia maupun keselamatan di akhirat kelak. Justeru, buku ini sesuai dijadikan panduan dan rujukan berkaitan akhlak dan bagaimana bagi mendapatkan syafa'at dari nabi.



### ADAB DAN ILMU: PENGAJARAN KISAH NABI MUSA DAN NABI KHIDIR

CALL NO.: 297.44 ZUL


Buku ini adalah karangan Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Dato' Mufti Wilayah Persekutuan) telah menyusun buku ini dengan ilmu yang begitu padat sekali. Tajuk yang dipilih adalah berkaitan adab dan ilmu yang dikaitkan dengan kisah diantara Nabi Musa dengan Nabi Khidir. Secara asasnya, adab merupakan tunjang utama dalam mencapai dan menghasilkan ilmu. Kita sentiasa mendapat ilmu jelas menunjukkan kepada kita betapa **adab adalah suatu yang penting dalam membentuk keperibadian seseorang pelajar dalam meraih ilmu dengan sebanyak mungkin**. Ia perlu disemai dalam jiwa seseorang penuntut ilmu. Dengan menginsafi perlakuan Nabi Allah Musa A.S terhadap Nabi Khidir A.S jelas menunjukkan kepada kita, sifat tawaduk boleh memberi kesan yang besar dalam membentuk sifat insani yang direhui Allah SWT. Janganlah sekali-kali kita menjadi golongan yang tidak beradab dan muflis akhlak kerana ia sebenarnya menafikan hakikat ilmu. Justeru, marilah sama-sama kita membaiki dan memperbaiki akhlak kita sehingga selaras dengan kehendak Rasulullah SAW. Buku ini sangat sesuai dibaca oleh semua kategori pembaca.



### KEAJAIBAN SUNNAH-SUNNAH NABI S.A.W

CALL NO.: 297.57 MAN

Buku ini mengandungi pelbagai sunnah-sunnah dari Rasulullah yang terpilih. **Rasulullah telah mengingatkan kepada umatnya agar menjaga hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan, kehidupan, kisah-kisah, peringatan-peringatan dan banyak lagi.** Sebagai contoh, Nabi Muhammad juga telah mengajarkan kepada manusia secara umum agar tidak memenuhi perutnya dengan makanan yang berlebih-lebihan karena itu akan menimbulkan kesan yang berbahaya dan tidak baik untuk kesihatan. Contoh lain, beliau juga melarang minum sambil berdiri, kencing berdiri dan mengajarkan kepada manusia cara tidur yang betul dan bila dikaji ke semua nasihat-nasihat itu setelah dilihat dari segi ilmu kedoktoran sungguh sangat bermanfaat untuk kesihatan manusia. Secara tepatnya, buku ini membincangkan hadith-hadith yang berkaitan taharah, azan, solat, musafir, haji dan doa-doa. Ia sangat bermanfaat sebagai rujukan kepada pembaca dalam memahami hukum hakam dan fadhilat terhadap perlakuan Rasulullah tersebut.



#### NOTA PENTING :

*Untuk pertanyaan dan urusan pinjaman sila hubungi Encik Mohd Zharif, Eksekutif Perpustakaan Wakaf di talian 03-5510 8631 atau layari sendiri Katalog Online Perpustakaan Wakaf di <http://libmais.gov.my> untuk carian bahan yang lain.*



# Abu Ma'shar al-Balkhi

## Ahli Astronomi, Astrologi dan Saintis

**N**ama lengkapnya adalah Abu Masyar Ja'far ibn Muhammad ibn Umar. Cendiakawan muslim ini lahir di Balkh sebelah timur Khurasan dan semasa dengan intelektual masyhur al-Kindi iaitu separuh pertama abad ke-3 hijrah yang juga berbangsa Parsi. Al-Balkhi adalah orang yang mencurahkan hampir seluruh hidupnya untuk mendalami dan mengembangkan ilmu astronomi. Karya-karyanya ada yang ditulis dalam Bahasa Arab, namun ada pula yang ditulisnya dalam Bahasa Parsi.

Di Barat, astronomi dan astronaut besarinidikenalisebagaiAlbumasar. Ilmu astrologi yang dimaksudkan di sini tentunya adalah astrologi yang secara umum mempunyai signifikan intelektual dan *Cultural*. Dalam konteks itulah Abu Ma'shar dianggap sebagai astrologi senior paling berpengaruh

dan disegani. Ini adalah kerana penguasaannya terhadap tradisi kuno yang dipelajarinya dari muda. Ajarannya mengenai kesan imej yang nampak di langit bersama dengan 36 “decants” (tanda ketiga dari 12 tanda zodiac).

Yang disebut parantellota digambarkan oleh Teucer, orang Babilonia memberi pengaruh yang kuat terhadap pelukis-pelukis renaissance.


Sungguhpun demikian, ketika awalnya karya astrologinya banyak dipengaruhi dan berpandu pada prinsip-prinsip dasar dan hukum astronomi yang diwariskan oleh para cendiakawan Muslim sebelumnya. Ilmu astrologi beliau sangat tinggi. Ia diwujudkan dalam bentuk tulisan, teks astrologi kuno dalam bahasa Arab. Ia juga sarat dengan isu sains semasa pada masa tersebut. Saintis



Barat, Tycho Brahe dalam bukunya *"Progymnastika"* menyebut-nyebut Abu Ma'shar sebagai saintis paling awal yang menyanggah pendapat Aristoteles yang menyatakan bahawa ia telah mengamati komet-komet di sfera Venus.

Abu Ma'shar yang juga dikenali sebagai ahli falsafah, wafat di Wasit pada tahun 272-273 Hijrah/886 Masihi setelah mencapai usia hampir 100 tahun. Dalam karyanya dapat diamati pengaruh Arab dan juga Parsi. Beberapa karyanya adalah seperti:

- Sebuah himpunan jadual astronomi (*Zij*). Di dalamnya terdapat pergerakan-pergerakan planet dihitung untuk garis bujur Gangdziz (*ganders*) dan teori siklus 1/1000 tahun India (*Hazaret*). Masih diguna hingga sekarang.
- Al-Madkhali al-Kabir ila Ilm al-Nujum (Pengantar Besar ke Ilmu Astrologi) sebuah risalah yang terdiri dari 8 buku dan telah diterjemahkan 2 kali ke Bahasa Latin iaitu tahun 1130 Masihi oleh Johannes Hispalensis, dan pada tahun 1150 Masihi oleh Hermanus Secundus. **Edisi**



Sumber: *Ilmuwan Islam* (2014)



Ucapan dan amanat serta rancangan bagi tahun 2019 telah disampaikan oleh YAD Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi, Pengurus MAIS.



Taklimat Pusat-Pusat Pendaftaran Pengislaman Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Dan Sumbangan Badan/Persatuan Saudara Baru anjuran MAIS dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Bahagian Pendaftaran Muallaf MAIS dan Bahagian Undang-Undang MAIS telah mengadakan Perbincangan Meja Bulat: Pengislaman Kanak-Kanak Dan Penentuan Umur Baligh Kanak-Kanak Bagi Tujuan Pengislaman di Hotel De Palma, Shah Alam.



MAIS telah membuka kaunter pameran sempena program Konvensyen Melestari Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Selangor bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.



Pembukaan kaunter pameran ini adalah bertujuan memperkenalkan Perpustakaan Wakaf MAIS serta mempromosikan perkhidmatan dan aktivitinya kepada pelajar, guru dan peserta yang terlibat dalam program tersebut.



Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan aktiviti program yang dapat memberi manfaat terutamanya kepada golongan asnaf riqab khususnya di negeri Selangor.



JOM MASUK KUIS

MOHON SEKARANG  
[www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my)

MULAKAN MASA DEPAN ANDA DI SINI  
**HANYA DENGAN  
3 KREDIT**

**DIPLOMA**

# 17 program

**Ijazah  
SARJANA  
Muda**

# 21 program

**SARJANA**

# 20 program

**ASASI**

# 6 program

**PhD**

# 4 program

**Da'i Adam**  
Juara Da'i Musim ke 6  
Mahasiswa KUIS

**Ustaz Don Daniyal**



Permohonan terbuka kepada warganegara Malaysia  
lepasan SPM / SVM / STPM / STAM /Matrikulasi / Asasi /  
Diploma / DVM & Setaraf



Mod pengajian sepenuh masa/ separuh masa.



Permohonan Secara Online / Walk-In / WhatsApp  
/Facebook & Instagram.

